

UNIT PELADANG JAYA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012



Nama : Unit Peladang Kampung Labohan Dagang

Alamat : Kampung Labohan Dagang, Lot 1879, Balai Islam
Jalan Bahagia, Kg. Labohan Dagang Saham : RM 143,684
42700 Kuala Langat, Selangor Tabung Unit : RM 2,055

PPK : Kuala Langat, Selangor Bilangan Ahli : 328 orang

Ketua Unit : Tuan Haji Amatokiran Bin Ratib Pendaftaran : 9 Mac 1977

LATAR BELAKANG

- ❖ Unit Peladang Kg. Labohan Dagang mempunyai keluasan tanah seluas 2,987.62 hektar dimana kegunaan tanahnya dibahagikan kepada kawasan kampung seluas 481 hektar, kawasan perkuburan seluas 1.62 hektar dan kawasan pertanian seluas 2,505 hektar. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk kampung terlibat dengan aktiviti pertanian di Kg. Labohan Dagang.
- ❖ Unit ini mempunyai seramai 328 orang ahli dimana peratusan sebanyak 29% merupakan ahli wanita dan 70% selebihnya adalah ahli lelaki. Purata modal saham bagi ahli di unit ini pula adalah sebanyak RM 438 seorang.
- ❖ Unit Peladang Kg. Labohan Dagang dipimpin oleh Ketua Unit yang juga merupakan Pengerusi PPK Kuala Langat iaitu Tuan Haji Amatokiran Bin Ratib. Unit ini mempunyai ahli jawatankuasa dan biro-biro yang terdiri dari ahli-ahli unit yang aktif. Unit ini turut melaksanakan mesyuarat-mesyuarat unit dan mesyuarat agong unit.

AKTIVITI EKONOMI

- ❖ Unit ini sangat dekat dengan PPK Kuala Langat dimana seramai 210 orang ahli berurusan dengan PPK dalam aktiviti pemasaran kelapa sawit dan input pertanian.
- ❖ Dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Unit Peladang ini, seramai 98 orang ahli telah dapat digembleng menjadi usahawan dan menjalankan pelbagai projek tanaman, ternakan, akuakultur, pemprosesan, projek pertanian lain dan juga projek bukan pertanian.
- ❖ Bagi projek tanaman, Unit ini mengusahakan projek tanaman yang terdiri daripada pisang bersaiz 66.39 hektar, nenas bersaiz 44.53 hektar dan cili fertigasi bersaiz 0.8

hektar. Keseluruhan hasil yang dapat diperolehi dengan projek tanaman ini adalah sebanyak RM 2,997,600. Bilangan peserta terlibat adalah seramai 10 orang.

- ❖ Di samping projek tanaman, projek ternakan turut diusahakan oleh Unit ini di mana Unit menjalankan ternakan lembu sebanyak 650 ekor, ternakan kambing sebanyak 150 ekor, ternakan ayam sebanyak 33,000 ekor dan ternakan itik penelur sebanyak 2,000 ekor. Jumlah hasil diperolehi dari projek-projek ini adalah sebanyak RM 3,765,000 setahun. Bilangan peserta terlibat bagi projek-projek ini adalah seramai 13 orang.
- ❖ Projek akuakultur yang diusahakan pula terdiri daripada projek ternakan ikan keli dan ikan tilapia yang mana melibatkan 2 orang peserta. Projek ini dijalankan di atas 6 buah kolam tanah bagi ternakan ikan keli dan 3 buah kolam tanah bagi ternakan ikan tilapia. Manakala hasil yang diperolehi sebanyak RM 567,000 setahun.
- ❖ Unit juga terlibat dalam pemrosesan khususnya dalam membuat kerepek, kuih tradisional dan sate. Kesemua projek ini memberikan jumlah hasil sebanyak RM 2,180,000 setahun. Bilangan ahli yang terlibat bagi projek-projek ini adalah seramai 4 orang.
- ❖ Selain itu, Unit ini juga mengambil inisiatif menjalankan projek-projek pertanian yang lain seperti menjalankan tanaman kelapa sawit seluas 364.38 hektar dan pemasaran kelapa sawit. Projek-projek ini mendatangkan hasil yang lumayan sebanyak RM 7,530,000 setahun. Seramai 83 orang ahli terlibat dalam projek-projek ini.
- ❖ Sebagai tambahan pendapatan kepada Unit ahli, projek bukan pertanian turut diusahakan seperti kraftangan, bengkel besi, motor dan perabot, agrobazaar, pemasar sejuk beku, kedai runcit, mesin minuman (vebding machine), kerja kontrak, rumah sewa, kedai jahitan dan kedai makan. Hasil jualan keseluruhan adalah sebanyak RM 3,081,000 setahun. Seramai 18 orang ahli unit terlibat dalam projek-projek ini.
- ❖ Keseluruhan isipadu perniagaan Unit Peladang Kampung Labohan Dagang adalah sebanyak RM 20,120,600 setahun.

AKTIVITI SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN

- ❖ Unit ini telah menjalankan pelbagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Jawatankuasa Unit amat peka dalam membangunkan aspek sosial Unit ahli bagi memudahkan perubahan sikap, penerimaan teknologi, penyertaan yang aktif dan memupuk semangat kerjasama antara mereka.
- ❖ Pelbagai program yang telah dianjurkan oleh Unit ini termasuklah menubuhkan Kelab Gasing, Kelab Kompang, Kelas Fardhu Ain, Kelas Mengaji Al-Quran, Kelas Marhaban, melaksanakan gotong-royong, bengkel jahitan, dan menganjurkan rombongan.
- ❖ Unit ini mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti Kolej MARA, sekolah rendah, sekolah agama, Tabika KEMAS, masjid, surau, klinik desa, dewan besar, Pejabat Koperasi, Balai JKKK Kampung dan Gelanggang Futsal.
- ❖ Unit juga telah mewujudkan Kumpulan Peladang Muda, Kumpulan Peladang Nita, biro-biro Unit dan mempunyai lagu sendiri.

PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

- ❖ Kumpulan Pengembangan Wanita Sempena HPPN Negeri Selangor Tahun 2005
- ❖ Johan FELCRA Anugerah Khas Kepimpinan Peserta Peringkat Kebangsaan Tahun 2007
- ❖ Kumpulan Wanita Jaya Sempena HPPN Negeri Selangor Tahun 2010